

Saintis UPM menang Reka Cipta Geneva 2004

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) mengharumkan nama negara apabila produk penyelidikannya memenangi dua pingat emas, enam perak dan dua gangsa pada Pameran dan Pertandingan Reka Cipta Geneva 2004 di Geneva, Switzerland, baru-baru ini.

Pingat emas diperoleh menerusi produk 'Formulasi Neutralsitikal Kaya Antioksidan Semula Jadi' hasil penyelidikan Prof Madya Dr Maznah Ismail dan 'Nucleoceptin - Vaksin Mengawal Kesuburan Haiwan' (Prof Dr Mohd Azmi Mohd Lila).

Pingat perak dimenangi produk 'Heavy Duty Pendulum Impact Test Ring for Crashworthiness Studies' oleh Dr Wong Shaw Voon, 'Imuron - Tindak Balas Daya Tahan Menyeluruh' (Prof Dr Mohd Azmi) dan 'CRFNanopath: A Novel Nanocomposite-Based Controlled Release Formulation' (Prof Dr Mohd Zobir Hussein).

Tiga lagi 'ZAPPA - Penggalak Percambahan Benih Beras' (Prof Madya Dr Ahmad Husni Mohd Hanif), 'Karbon Nanotiub dan Karbon Nanofiber Untuk Aplikasi Nanotekno-

logi (Prof Madya Dr Fakrul Razi Ahmadun) dan 'Bio-Pelincir Sintetik Minyak Kelapa Sawit' (Dr Robiah Yunus).

Sementara pingat gangsa menerusi produk 'Topi Keledar Bio-Komposit Untuk Kegunaan Negara Tropika' oleh Prof Dr Radin Umar Radin Sohadi dan 'Optical Layer Automatic Protection Switch' (Mohd Hanif Yaacob).

Maznah ketika ditemui *Berita Harian* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam, berkata sebanyak 55 produk penyelidikan bagi kategori makanan, minuman, kosmetik dan kesihatan dipertandingkan pada pameran itu.

"Daripada jumlah itu, hanya 10 memenangi pingat emas, termasuk produk kajian saya. UPM sendiri menghantar 10 produk, semuanya mendapat pingat.

"Setiap produk dinilai dari aspek keaslian rekaan, mempunyai nilai saintifik, keberkesanan produk dan manfaat kepada pengguna. Produk saya hasilkan ini adalah mesra



DR SHAHWAHID (kiri) melihat pingat emas dimenangi Dr Maznah (empat dari kiri) sambil diperhatikan penyelidik UPM lain di KLIA, malam semalam. - Gambar oleh Afendi Mohamed

pengguna kerana ia menggunakan dedak beras yang mempunyai nilai antioksidan tinggi dan berkhasiat kepada manusia," katanya.

Katanya, antioksidan juga dapat mengurangkan risiko penyakit jantung dan kolesterol dalam darah, selain mempunyai kadar penyerapan tiga kali lebih baik berbanding produk antioksidan sedia ada.

Maznah berkata, produknya juga mendapat paten dan sedang berunding dengan industri untuk tujuan komersial.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), UPM, Prof Madya Dr Shahwahid Othman, yang menyambut kepulangan kumpulan penyelidik itu berkata, kejayaan institusi pengajian tinggi awam berkenaan memenangi 10 pingat menepati wawasannya ke arah universiti penyelidikan bertaraf dunia.

"PPP merancang mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dengan menggalakkan bukan saja pensyarah, malah pelajar mengikuti penga-

jian peringkat doktor falsafah (PhD) secara penyelidikan.

"Selain itu, pusat ini juga akan mengadakan Pameran Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi peringkat UPM pada Julai ini dalam usaha menggalakkan pensyarah dan pelajar PhD mempamerkan rekaan masing-masing," katanya.

Dari situ, katanya, pihaknya akan mengenal pasti inovasi terbaru, selain mendorong penyelidik muda mempertingkatkan usaha mereka.